

PERSATUAN BERSEMANGAT SUCI (PUSAT PENDIDIKAN)2.1 SEJARAH PERKEMBANGAN PERSATUAN BERSEMANGAT SUCI

Persatuan Bersemangat Suci (seterusnya diringkaskan kepada PBS) atau nama penuhnya "Holy Spirit Association for Unification of World Christianity" didaftarkan dengan rasminya di Seoul, Korea pada 1954. Pengasasnya ialah seorang Korean yang bernama Sun-Myung Moon(1). Sejarah perkembangan PBS ini perlu mengimbas kembali semasa Sun-Myung Moon berusia tiga tahun di Korea.

Pada tahun 1923, pendita Long-Dau Lee dan pendita Kok Chan Wong muncul di Korea. Mereka masing-masing mengatakan mereka didatang wahyu oleh Jesus. Falsafah dan teori yang dibawa bersama mereka mengatakan sebelum Adam dan Eve melakukan perhubungan setubuh, Eve telah terlebih dahulu mengadakan hubungan dengan lelaki yang berbentuk ular (setan). Eve yang sebelum itu suci telah dicemarkan oleh jenayah yang diwakili oleh setan. Maka darah Eve yang kotor telah dipindah kepada Adam apabila perhubungan setubuh di antara mereka berlaku. Sejak dari itu menurut falsafah pendita Lee dan Wong, semua manusia yang dipercayai berasal dari keturunan Adam dan Eve dianggap kotor dan merupakan orang yang tidak suci di hadapan tuhan.

Untuk menyucikan kekotoran tersebut, menurut teori pendita Lee dan Wong, semua manusia perlu memeluk agama yang sama dan seterusnya melakukan perhubungan setubuh demi menggantikan darah yang kotor kepada yang suci. Hanya

melalui cara sedemikian, seseorang manusia dapat diselamatkan. Teori ini telah diberi satu istilah sebagai "membahagikan darah". Teori "membahagikan darah" ini dikritik oleh pihak kerajaan dan badan-badan agama tempatan, kerana teori ini dianggap tidak tepat, dan secara tidak langsung ia menggalakkan perhubungan setubuh yang bebas di antara ahli-ahlinya. Ekoran tindakan yang tegas oleh pihak kerajaan, akhirnya pendita Lee dan Wong telah melarikan diri dan pertubuhan mereka dibubarkan.

Selepas Perang Dunia kedua, pada 15 hb Ogos 1945, pendita Lee dan Wong muncul semula. Kali ini mereka telah menubuhkan "Broad Sea Church". Tidak lama kemudian, "Broad Sea Church" dibubarkan ekoran konflik dalaman yang berlaku di antara pendita Lee dan Wong. Sejak dari itu, kedua mereka telah lenyap dari kegiatan menyebarkan ajaran mereka.

Selepas pendita Lee dan Wong, muncul pula seorang ahli falsafah yang berkait rapat dengan PBS dan Sun-Myung Moon. Beliau bernama Paik-Moon Kim yang dilahirkan pada 1916 di Korea. Falsafah pendita Lee dan Wong banyak mempengaruhi pemikiran Paik-Moon Kim. Berdasarkan teori "membahagikan darah", Kim menegaskan lagi teori tersebut. Beliau mengatakan bahawa perhubungan setubuh patut dipandang oleh manusia sebagai salah satu upacara agama. Bersama-sama teori ini, Kim telah menubuhkan "Israel Sooda-Wen" (Israel Monastery). Di samping giat menyebarkan ajaran, Kim juga menghasilkan buku-buku. Di antara buku-buku yang dihasilkan termasuk Prinsip-prinsip Utama Kristian, The Real Principles

dan sebagainya.

Di antara Januari hingga Mei 1946, pendita Sun-Myung Moon selaku pengasas PBS pernah menuntut di "Israel Sooda-Wen" yang ditubuhkan oleh Paik-Moon Kim. Falsafah utama PBS yang berdasarkan kepada **DIVINE PRINCIPLE(1957)** berkecenderungan sama dengan isi kandungan Prinsip-prinsip Utama Kristian yang dituliskan oleh Paik-Moon Kim.

Secara keseluruhannya, bolehlah dikatakan bahawa mulanya PBS oleh pendita Sun-Myung Moon banyak dipengaruhi oleh pemikiran Paik-Moon Kim. Sememangnya terdapat bukti-bukti menunjukkan pendita Moon meniru falsafah Paik-Moon Kim semasa beliau menuntut di "Israel Sooda-Wen"(2).

2.1.1 LATAR BELAKANG PENDITA SUN-MYUNG MOON

Pendita Sun-Myung Moon(nama asalnya Long-Myung Moon) dilahirkan pada 16 hb Januari 1920 di Pyungan Buk-Do, Korea Utara. Bapanya Keng Yuk Moon mengusahakan kerja-kerja pertanian. Pendita Moon merupakan anak kedua dalam keluarga yang beradik-beradik seramai lapan orang. Semasa Moon berusia sepuluh tahun, sekeluarganya telah menganut agama Kristian. Sejak kecil lagi, Moon telah menunjukkan keperibadian beliau yang luar biasa dan sanggup memberikan bantuan kepada sesiapa yang perlu.

Pada tahun 1936, pagi Easter, semasa Moon sedang berdoa di atas sebuah bukit di Korea Utara, tiba-tiba Jesus muncul. Menurut Moon, Jesus menyuruh beliau meneruskan tugasNya yang belum selesai di dunia ini 2000 tahun yang lalu. Moon telah dipilih oleh Jesus untuk menubuhkan sebuah

"kingdom of God" di dunia ini.

Akan tetapi menurut Jason K.S.Sheh(3), didapati bahawa semasa berusia di antara 16 hingga 19 tahun, Moon sedang menuntut di sebuah sekolah di Seoul, Korea (yang kini menjadi Central University). Hari pembukaan sekolah adalah pada setiap 1 hb April. Ini menunjukkan bahawa Moon sedang berada di Seoul pada Easter 1936, dan bukan berdoa di atas bukit. Kenyataan bahawa beliau menemui Jesus pada hari Easter 1936 telah menjadi satu persoalan dan dikritik oleh Jason K.S.Sheh(4).

Sejak dari penemuan Jesus, Moon telah menghabiskan masa selama sembilan tahun untuk mengkaji secara mendalam tentang soal-soal kebenaran dan kandungan kitab suci Kristian, Bible. Melalui usaha beliau yang tegas, akhirnya beliau mendapat ilham seperti mana yang dinyatakan dalam Divine Principle.

Menurut pendita Moon (5),

"God Himself told me that the most basic and central truth of this universe is that God is the Father and we are His children. We are all created as the children of God"

Pada tahun 1941, apabila pendita Moon selaku seorang penuntut di Universiti Waseda, Jepun, beliau telah melibatkan diri dalam kegiatan pemberontakan penjajahan Jepun. Berkaitan dengan peristiwa ini, wartawan Jepun, Yamaguchi Hiroshi telah memeriksa nama penuntut yang pernah belajar di universiti tersebut. Didapati bahawa nama Sun-Myung Moon atau Long Myung Moon tidak wujud dalam rekod universiti. Menurut kajian beliau, kegiatan dan pergerakan

pendita Moon antara 1939 hingga 1945 menjadi misteri(6).

Setelah tamatnya Perang Dunia Kedua, pendita Moon telah beralih ke kawasan jajahan komunis di Korea Utara untuk menyebarkan penemuan beliau. Kedatangan Moon dan ajaran beliau mendapat sambutan baik daripada penduduk tempatan. Dalam masa yang singkat, beliau berjaya memperolehi ramai pengikut. Kerajaan tempatan (autoriti komunis) merasa risau terhadap pengaruh dan sambutan Moon yang semakin kuat. Pada suatu malam Ogos 1946, tanpa apa-apa amaran, pihak kerajaan telah menangkap Moon. Beliau disiksa sehingga dipercayai mati dan dibiarkan terlantar di bawah salji di luar penjara. Dalam keadaan sedemikian, semangat Moon yang amat kuat menyelamatkan beliau dari kematian, kesakitan dan kesejukan. Beliau kemudian diselamatkan oleh pengikut beliau yang setia.

Merujuk kepada tangkapan Moon di atas, kajian telah dilakukan oleh Jason K.S. Sheh(7) bahawa Moon ditangkap bukan disebabkan oleh penyebaran agama, tetapi dituduh atas kesalahan "bigamy" dan "adultery".

Pada Februari 1948, sekali lagi Moon ditangkap dan dimasukkan ke dalam penjara banduan hukuman mati. Di situ beliau dipaksa bekerja berat lebih masa dan tidak dapat bekalan makanan yang mencukupi. Dalam keadaan yang amat sengsara ini, Moon sanggup menghadapi kesemua kesusahan sehingga beliau dibebaskan oleh tentera Amerika pada bulan Oktober, 1950.

Selepas dibebaskan, hasrat Moon untuk menyebarkan

agama masih membara. Beliau telah berjalan beberapa ratus batu selama 40 hari ke Korea selatan. Pendita Moon menetap di Pusan dan membina "gereja" yang pertama. "Gereja" yang dimaksudkan dibina daripada tanah-tanah dan kertas keras sahaja.

Sejak dari itu, falsafah yang dibawa oleh Moon dikembangkan secara besar-besaran. Pada tahun 1954, Moon telah menubuhkan Unification Movement yang pertama di Seoul secara rasminya. Nama penuhnya ialah "Holy Spirit Association For Unification Of World Christianity". Dua tahun selepasnya, pertubuhan yang sama telah ditubuhkan di lebih dari 30 buah bandar di Korea. Pada tahun 1958 dan 1959, paderi-paderi telah dihantarkan ke Jepun dan Amerika Syarikat untuk menyebarkan ajaran persatuan.

Pada tahun 1960, pendita Moon telah berkahwin dengan Hak Ja Han yang berumur 18 tahun. Selepas perkahwinan selama 31 tahun, kini kedua mereka telah membina keluarga yang beranak seramai 12 orang. Pada tahun 1965, pendita Moon telah melawat 40 buah negara di seluruh dunia. Lawatan kali kedua telah dilakukan pada 1969. Beliau mula menetap di Amerika Syarikat pada 1972 selepas lawatan seluruh dunia buat kali ketiga.

Menurut pendita Moon (8),

"I came to America as a 'doctor' or 'fireman', who comes from outside one's home to heal the sick or put out the fire. I came to revive the true spirit of Christianity, the spirit of love, forgiveness and unity."

Dalam tempoh 4 tahun, pendita Moon mengadakan

ceramah di lebih dari 50 buah bandar dari 1973 hingga 1976. Beliau pernah mengadakan ceramah di New York's Carnegie Hall(1973), Madison Square Garden(1974), Yankee Stadium(1976) dan perhimpunan yang paling besar ialah di Washington Monument Rally yang dihadiri oleh lebih dari 300,000 orang(1976).

Dari 1975, Moon mulai melibatkan diri dalam usaha mencapai keamanan di dunia. Beliau menjalankan "mass-wedding"(9) bagi ahli-ahli persatuan dengan tujuan tersebut. Dalam bidang media massa, pendita Moon juga ~~mulakan~~ pencetakan akhbar harian di Tokyo, New York, Uruguay dan Washington. Majalah "World and I" serta "Today's World" juga diterbitkan. Untuk mencapai keamanan di dunia, dari segi akademi, pendita Moon telah memulakan Professors World Peace Academy (PWPA), The International Cultural Foundation (ICF), International Conference On The Unity Of The Science (ICUS) dan sebagainya.

Pada 20 hb Julai 1984, pendita Moon sekali lagi ditangkap dan dimasukkan ke penjara. Tuduhannya ialah melarikan diri dari cukai. Semasa di dalam penjara Danbury, pendita Moon pernah berkata (10),

"I have just one gold for this nation : to strengthen the moral fiber of America and to enlarge her capacity to fulfil God's will. I will continue to pray and work for this country. I thank God that He is using me as His instrument to lead the fight for religious freedom and to ignite the spiritual awakening of America in their most crucial hour of human history."

Pendita Moon telah dibebaskan pada tahun 1985. Pada tahun 1987, beliau telah menubuhkan "Citizen's Federation for the Unification of the Fatherland". Tujuannya ialah membawa penyatuan Korea yang bebas di bawah Tuhan.

Kini, pendita Moon berjaya menyebarkan PBS di sebanyak 120 buah negara di dunia. Pendita Moon yang berusia 71 tahun sekarang masih menetap di Amerika Syarikat dan terus berjuang untuk mencapai keamanan di dunia.

2.2 FALSAFAH-FALSAFAH PERSATUAN BERSEMANGAT SUCI


Pada dasarnya falsafah PBS mempunyai 6 prinsipal yang utama, iaitu

- 1) Mempercayai bahawa Tuhan adalah satu-satunya pencipta, iaitu bapa kepada manusia keseluruhan.
- 2) Mengakui dan menggunakan Bible sebagai kitab utama.
- 3) Mempercayai Jesus ialah anak tunggal Tuhan, iaitu penyelamat keseluruhan manusia yang mengarah manusia mencapai matlamat pengembalian kesucian.
- 4) Mempercayai Jesus akan muncul semula di Korea.
- 5) Mempercayai pengembalian Jesus sebagai pusat yang mengetuai manusia, serta membentuk dunia sebagai keluarga yang besar.
- 6) Mempercayai matlamat terakhir Tuhan ialah penghapusan segala dosa dan jahanam di dunia dan syurga, berdasarkan kasih-sayang dan kebenaran.


Untuk membincangkan falsafah PBS, sebenarnya ia menggunakan **Divine Principle**, yang ditulis berdasarkan

Bible. Banyak ajaran dan penerangan dalam kitab ini asing sekali kepada pengkaji. Walau bagaimanapun, pengkaji akan cuba ringkaskan falsafah PBS dan berikan pandangan kasar mengenainya.


Dalam **Divine Principle**, ia mengatakan Tuhan mempunyai dua sifat, iaitu Yin (陰) dan Yang (陽). Yin dalam **Divine Principle** merujuk kepada jiwa manusia, manakala Yang merupakan fizikal luaran iaitu tubuh badan manusia. **Divine Principle** mengatakan Tuhan mempunyai kedua sifat ini.




Divine Principle mengatakan bahawa untuk meneruskan hidup, teori "give and take" telah wujud. Teori ini menegaskan pemberian dan penerimaan kasih-sayang antara dua pihak, yakni manusia dan Tuhan.




Dari teori "give and take", ia berkembang kepada teori "four position foundation". Keempat-empat dasar itu merujuk kepada hubungan di antara Tuhan dengan manusia, dan makhluk-makhluk lain, berdasarkan kepada kasih-sayang. Dipercayai melalui "four position foundation" ini, matlamat "kingdom of the earth and heaven" akan capai.



Mengenai kesucian dan dosa, Divine Principle mengatakan bahawa perhubungan setubuh di antara Eve dan setan adalah berdosa dari segi semangat, manakala perhubungan di antara Eve dan Adam melahirkan dosa dan kekotoran dari segi fizikal.



Oleh kerana dosa dilakukan oleh Adam dan Eve, maka generasi manusia seterusnya semua tidak suci. Untuk menghapuskan dosa, maka Jesus telah mati di atas pangkah(cross) untuk menyucikan manusia 2000 tahun yang lalu.



Dari rajah di atas, Divine Principle menerangkan bahawa hanya melalui Tuhan dan kasih-sayang di antara

"parent-children", seluruh dunia dapat disucikan. **Divine Principle** amat menekankan melalui kasih-sayang Tuhan dapat menyucikan dosa manusia.

Seterusnya dalam bab terakhir **Divine Principle**, ia menerangkan sebab mengapa Jesus kembali ke dunia, dan tempat mana Jesus akan muncul. **Divine Principle** menggunakan petikan dalam Bible, iaitu Revelation 7:2-4, yang mengatakan Jesus akan kembali ke sebuah negara di Timur, dan tempat itu ialah di Korea.

Di antara ciri-ciri pengembalian Jesus diterangkan dalam **Divine Principle** ialah seperti berikut :

- 1) Sebuah negara yang bukan sangat maju dan mesti mengalami kesusahan. Korea mempunyai sifat ini.
- 2) Negara Korea merupakan negara mempunyai pelbagai agama.
- 3) Sesebuah negara mesti merupakan tempat kemunculan setan dan tuhan. Ini dibuktikan dengan Korea yang berpolitik komunis dan selalu berkonflik.
- 4) Negara tersebut mesti mengutamakan rakyatnya.
- 5) Negara tersebut mesti dibuktikan dan dikaji oleh sarjana-sarjana dan ahli-ahli sejarah.

Pada dasarnya dengan kelima-lima sebab ini, **Divine Principle** mengatakan Jesus telah kembali ke dunia dan telah muncul di Korea, iaitu diwakili oleh pendita Sun-Myung Moon, pengasas PBS.

Itulah garis kasar mengenai falsafah PBS. Tidak dapat dinafikan bahawa penerangan sebegini adalah paling

ringkas. Tetapi dapat dilihat bahawa falsafah PBS amat mementingkan perhubungan kasih-sayang di antara "parent-children".

2.3 AMALAN-AMALAN PERSATUAN BERSEMANGAT SUCI

Semasa bertemubual dengan naib-presiden PBS Malaysia, Encik Chew Kien Boo memberitahu pengkaji bahawa amalan-amalan sembayang PBS pada dasarnya adalah sama dengan penganut Kristian.

Tiap-tiap pagi sebelum meninggalkan rumah, ahli PBS akan berdoa agar hari tersebut selamat serta segala yang dilakukan berjalan dengan lancar. Sebelum makan, mereka dikehendaki berdoa kerana makanan dikurniakan oleh Tuhan. Pada sebelah petang apabila selesai kerja dan sampai ke rumah, ahli PBS berdoa untuk menyampaikan rasa terima kasih kepada Tuhan kerana telah selamat pada hari tersebut.

Selain daripada ketiga-tiga sembayang yang asas, ahli persatuan akan berdoa pada bila-bila masa jika dirasakan perlu. Dalam konteks ini, ia dirujuk kepada semasa seseorang ahli menghadapi masalah, atau saat-saat kecemasan.

Ahli PBS percaya bahawa terdapat perhubungan yang sangat rapat di antara Tuhan dengan mereka, yang diwakili oleh pendita Moon sebagai "true father". Perhubungan "parent-children" ini dipercayai kuat oleh ahli persatuan bahawa hanya melalui doa yang ikhlas, Tuhan sebagai ibu bapa mereka yang diwakili oleh pendita Sun-Myung Moon sanggup memahami perasaan dan masalah yang dihadapi oleh "anak-anaknya". Ahli-ahli PBS berpegangan kuat bahawa pendita

Moon sebagai "Father of the universal" faham kesemua masalah mereka.

Apabila ditanya mengenai bagaimana seseorang ahli sedar sama ada Tuhan terima doa mereka atau tidak, pengkaji diberitahu bahawa sikap semasa seseorang berdoa adalah sangat penting. Semasa doa, hati seseorang mestilah tenang dan ikhlas. Pada masa yang sama, seseorang mesti menilai sama ada apa yang telah dilakukan itu betul atau salah. Jikalau hati seseorang masih risau, sedih, takut dan sebagainya selepas doa, ini bermakna bahawa doa orang tersebut tidaklah ikhlas. Sebaliknya, perasaan senang selepas berdoa akan menjadikan seseorang tenang dan cuba fikirkan cara-cara untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Ini bermakna doa seseorang telah diterima oleh Tuhan.

Semasa pengkaji melawat pusat PBS di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, pengkaji tidak nampak apa-apa gambar Jesus atau salib yang terdapat di gereja atau rumah penganut Kristian. Dari maklumat, sama ada dari keratan akhbar (11) atau temubual dengan saudara terdekat salah seorang ahli persatuan, didapati bahawa ahli persatuan sebenarnya menyembah gambar pendita Sun-Myung Moon dan isterinya yang berpakaian putih. Mereka menyayikan lagu-lagu suci sambil berdoa dan berlutut di hadapan gambar "true father".

Setiap hari Ahad pukul 9.00 pagi, pusat PBS di Kuala Lumpur mengadakan sembayang beramai-ramai. "Sunday Service" ini terbuka kepada semua ahli persatuan.

Selain daripada doa-doa yang ditetapkan, ahli-ahli persatuan mempunyai hari-hari perayaan mereka sendiri. Pada

dasarnya terdapat lima upacara perayaan yang penting (12) iaitu.

a) 1 hb Januari, God's Day

Perayaan ini bermula pada 1968. Tujuan ialah untuk menyenangkan hati Tuhan yang dikalahkan oleh setan 6000 tahun dahulu.

b) 6 hb Januari, "Hari Krismas"

Hari kelahiran pendita Sun-Myung Moon, tahun 1920.

c) 16hb March, Hari Ibu Bapa (Parents' Day)

Pada 1 hb March 1960, pendita Moon yang berusia 40 tahun mengahwini Hak Ja Han yang berusia 18 tahun. Mulai hari ini kedua mereka menjadi "true parent".

d) 1 hb Mei, Day Of All Creation

Ia dirayakan untuk mengingatkan ahli persatuan bahawa pada hari ini, setan telah merampas segala makhluk, barang dari Tuhan. Ini untuk mengingatkan ahli, merampas kembalinya kepada Tuhan.

e) 1 hb Oktober, "Children Day"

Ia dirayakan kerana Hak Ja Han melahirkan anak lelaki pertama pada tahun 1960.

Hari-hari tersebut dirayakan dengan cara yang luar biasa. Mengikut maklumat yang diperolehi dari temubual dan keratan akhbar (13), ahli PBS berdoa dengan menyalakan lilin putih pada tengah malam serta menyayikan lagu-lagu suci persatuan dengan suara yang menakutkan.

Menurut keratan akhbar (14), terdapat penghuni yang menetap di sekitar pusat PBS di Jelutong, Pulau Pinang

mengadu kepada polis kerana sentiasa diganggu. Menurut laporan, penghuni-penghuni melaporkan pada setiap malam pukul tiga(pagi), ahli persatuan sembayang dengan menyalakan lilin putih dan mengeluarkan suara yang menggelikan hati terutama pada tengah malam. Atas aduan yang dibuat, aktiviti sembayang ini dihentikan. Tidak lama kemudian, pusat tersebut telah dipindahkan ke tempat lain untuk mengelakkan tindakan yang mungkin dikenakan oleh penduduk tempatan.

Mengikut pendapat John Butterworth (15), beliau mengatakan bahawa cara sembayang Persatuan Bersemangat Suci berupa,

"Every Sunday morning the Moonies hold a 'pledge service' at which men wear suits and women dresses. Women sit on the left and men on the right before a table containing a bowl of flowers and a picture of Sun-Myung Moon. The group bows 3 times to the Heavenly Father and the true parents, Mr Moon and his wife. Then everyone repeats a pledge in unison, recommitting themselves to the Unification Church. After a 20 minute prayer from one of the leaders, the service finishes with everyone praying aloud together. They believe God will accept their praying only if it is pure."

"Moonies" di petikan di atas merujuk kepada Persatuan Bersemangat Suci. Ini berasaskan nama pengasas PBS, pendita Moon. Sememangnya terdapat banyak nama bagi Persatuan Bersemangat Suci ini dan nampaknya nama persatuan sentiasa bertukar-tukar.